

# PENGUASAAN LITERASI KERANGKA UTAMA KEJAYAAN PENDIDIKAN

October 7, 2016, Friday

*Kerajaan banyak berusaha agar pelajar dapat menguasai kemahiran membaca, menulis, mengira (3M): Fatimah*

// Oleh Mohamad Achil Norrlatep //

The Borneo Post



SYABAS: Fatimah (baris belakang, sembilan kanan) bersama pelajar dan guru Kem Literasi Bahasa Malaysia.

MUKAH: Penguasaan literasi atau celik huruf pelajar amat penting untuk dikuasai bagi menjamin kemampuan menguasai bidang pendidikan, kata Menteri Kebajikan, Wanita dan Ke-sejahteraan Komuniti Datuk Fatimah Abdullah.

Jelasnya, kerajaan banyak berusaha agar pelajar dapat menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M).

“Kerajaan sedar bahawa pelajar yang tidak dapat menguasai 3M akan tercicir daripada semua mata pelajaran dan semua perkembangan murid terjejas,” katanya pada Majlis Penutupan Kem Literasi Bahasa Malaysia di Pusat Pendidikan Daerah Dalat kelmarin.

Program LINUS umpamanya akan dapat membantu pelajar menguasai literasi dan numerasi seterusnya meningkatkan keupayaan pelajar menguasai pembelajaran.

Ia kata Fatimah, mungkin turut dipengaruhi faktor fizikal murid seperti kurang pendengaran, kurang penglihatan, kecerdasan otak dan perkembangan pertuturan yang lewat, masalah kemahiran motor halus dan kasar serta masalah pembelajaran seperti disleksia, autisme dan sebagainya.

Sebab itu katanya, usaha beberapa pihak menganjurkan kem bagi kanak-kanak mengalami masalah sangat dihargai dan dipuji.

Kem literasi seperti itu katanya, adalah keempat diadakan setelah Samarahan/Serian, Baram dan Sri Aman.

“Program ini menggunakan kaedah foniks, sistematik serta aktiviti-aktiviti pasca pancaindera yang diuji ber-kesan khasnya kepada murid yang bermasalah pembelajaran atau lambat belajar,” ujarnya.

Maklum balas daripada guru fasilitator di kem sebelum ini telah menunjukkan mereka sangat tertarik dengan kaedah berkenaan dan pelajar menyertai kem menunjukkan perkembangan positif.

Program berkenaan merupakan anjuran Persatuan Disleksia Sarawak dan turut mendapat kerjasama daripada Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak dan tajaan oleh pihak Yayasan Sarawak.

Kem Bahasa Inggeris telah dijalankan dari 19 hingga 25 Ogos lalu dan Kem Bahasa Malaysia bermula 30 September dan berakhir semalam.

Seramai 30 pelajar dan 30 guru daripada 10 sekolah di bawah PPD Dalat mengikuti kem berkenaan.

Turut hadir Presiden Persatuan Disleksia Sarawak Dr Ong Puay Hoon, Ketua Jurulatih Kem Bahasa Malaysia Dr Julia Lee Ai Cheng dan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Datu Pengiran Muhammad, Oya Lias Daud.